

**Identifikasi Etnik versus Identifikasi Bangsa dalam kalangan
Belia Bandar dan Luar Bandar di Selangor**

Penyelidik:

Nobaya Ahmad, PhD

**Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**

LAPORAN AKHIR

Mei 2016

RINGKASAN EKSEKUTIF
Kajian Identifikasi Etnik versus Identifikasi Bangsa dalam
kalangan Belia Bandar dan Luar Bandar di Selangor

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Persoalan tentang sama ada seseorang itu melihat diri mereka dari perspektif bangsa atau etnik sering menjadi fokus apabila isu kesetiaan kepada negara atau rasisme dibincangkan. Isu ini sering dianggap sensitif kerana ia memperlihatkan secara tidak langsung sama ada seseorang itu memberi keutamaan kepada identifikasi etnik maka kesetiaan mereka kepada negara boleh dipersoalkan dan sebaliknya.

1.2 Penyataan Masalah

Namun begitu, masih terdapat kelompok termasuk golongan belia cerdas pandai yang merasakan bahawa isu etnik membawa mereka kepada situasi masyarakat kelas kedua. Kesan daripada situasi ini ialah penghijrahan golongan cerdas pandai ke luar negara yang boleh menimbulkan masalah "*brain drain*". Persoalan pokok dalam kajian ini yang ingin diketahui adalah "mengapakah mereka berpandangan demikian dan adakah belia yang tinggal di bandar melihat diri mereka dari kaca mata etnik atau bangsa?". Kajian ini bertujuan untuk mengkaji identifikasi belia di bandar tentang konsep etnik dan bangsa. Fokus persoalan ini kepada belia di bandar adalah disebabkan oleh pencairan identifikasi bangsa bagi penduduk di bandar yang kurang memberi fokus kepada aspek sosiobudaya tetapi lebih kepada aspek ekonomi dalam menghadapi cabaran hidup di bandar. Jawapan kepada persoalan ini akan memberikan gambaran tentang identifikasi etnik atau bangsa belia yang akan memberikan impak terhadap semangat kesetiaan kepada negara.

1.3 Persoalan Kajian:

- i. Apakah status identifikasi diri belia dari sudut melihat diri mereka sebagai etnik atau bangsa?
- ii. Apakah elemen yang mempengaruhi persepsi mereka terhadap melihat diri sebagai etnik atau bangsa?
- iii. Sejauhmana faktor identifikasi mempengaruhi kesetiaan belia kepada negara?

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti dimensi identifikasi etnik dan bangsa yang signifikan dalam kalangan belia.
- ii. Menentukan elemen-elemen penting yang membentuk identifikasi etnik dan bangsa.
- iii. Mengenalpasti perkaitan antara faktor sosio-demografi dan elemen penting yang membentuk identifikasi bangsa dan negara.

1.5 Metodologi

Kumpulan sasaran terdiri daripada golongan belia yang berumur antara 18-30 tahun dari pelbagai latarbelakang dan etnik yang tinggal di bandar dan luar bandar di Selangor. Bagi belia di bandar, responden berada di Kuala Lumpur manakala bagi belia di luar bandar, responden yang tinggal di daerah luar bandar Selangor seperti Sabak Bernam.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual dan Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) dan kuantitatif melalui borang soalselidik sebagai projek rintis. Fasa pertama melibatkan FGD dengan 2 kumpulan dengan 10 orang setiap kumpulan yang terdiri dari belia yang dipilih daripada pelbagai latarbelakang. Tujuan fasa ini adalah untuk mendapatkan tema-tema penting yang boleh membentuk asas kerangka bagi mengenalpasti dimensi identifikasi etnik dan bangsa.

Fasa kedua melibatkan pengumpulan maklumat melalui borang soal selidik. Fasa ini melibatkan 310 belia (201 belia di bandar dan 109 belia di luar bandar) yang dipilih berasaskan kepada persampelan mudah dan mewakili kumpulan etnik dan kepelbagaian latarbelakang.

Data yang diperolehi melalui temubual dan FGD ditranskrib untuk mendapatkan tema dimensi manakala data dari borang soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) Version 19* bagi mendapatkan taburan deskriptif dan perkaitan.

2.0 ANALISIS DATA

2.1 Latarbelakang Demografi

Sebahagian besar responden (65%) yang ditemui berumur antara 21- 30 tahun. Dari segi taburan jantina, lebih dari separuh responden yang ditemui adalah wanita. Manakala dari segi etnik pula, majoriti belia (62%) adalah dari etnik Melayu. Dari segi pekerjaan, majoriti responden adalah pelajar yang sedang atau telah mengikuti program peringkat diploma dan ijazah. Sebahagian besar dari responden tinggal di bandar dan peratusan ini adalah hampir bilangan penduduk bandar dan luar bandar di semenanjung Malaysia. Taburan jenis tempat tinggal pula menunjukkan bahawa sebahagian besar responden tinggal dikediaman yang mempunyai pelbagai etnik. Memandangkan kajian dibuat di Negeri Selangor, data menunjukkan bahawa majoriti penduduk adalah berasal dari wilayah tengah dan hanya sebahagian kecil sahaja adalah penghijrah.

2.2 Mengenalpasti dimensi identifikasi etnik dan bangsa yang signifikan dalam kalangan belia

Dimensi yang melibatkan aspek agama dan budaya menunjukkan kecenderungan responden untuk bersetuju dengan item yang menjurus kepada identifikasi etnik. Manakala bagi aspek yang melibatkan sukan, responden cenderung untuk lebih bersetuju bagi item yang melibatkan identifikasi bangsa.

2.3 Menentukan elemen-elemen penting yang membentuk identifikasi etnik dan bangsa

Responden melihat identifikasi etnik lebih utama dalam aspek agama, adat resam, bahasa ibunda, kebudayaan, perbezaan status sosial dan sosialisasi dalam keluarga. Manakala, majoriti responden melihat bangsa lebih penting dalam politik luar negara yang melibatkan isu kenegaraan, sukan peringkat nasional dan antarabangsa, dan sosialisasi dengan rakan-rakan.

Faktor yang paling utama dalam identifikasi etnik ialah faktor sosialisasi dalam keluarga diikuti dengan sosialisasi dengan rakan sebaya dan faktor lokasi tempat kediaman.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa bagi belia yang dikaji, meskipun mereka mempunyai identiti etnik, tetapi mereka kurang mengidentifikasikan diri mereka dari kaca mata etnik kecuali pada faktor yang berkaitan dengan agama, keluarga dan budaya dan adat resam dan pada ketika yang lain mereka melihat diri mereka dari kaca mata bangsa.

2.4 Mengenalpasti perkaitan antara faktor sosio-demografi dan elemen yang membentuk identifikasi etnik dan bangsa.

Analisis yang dibuat terhadap faktor etnik dan lokasi tempat tinggal dan elemen identifikasi etnik dan bangsa tidak memperlihatkan hubungan yang signifikan antara tempat tinggal dan identifikasi etnik dan bangsa.

Analisis lain terhadap data demografi dan kepentingan melihat diri sebagai etnik dan bangsa juga tidak memperlihatkan hubungan yang signifikan dengan bagaimana belia melihat diri mereka. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa faktor sosiodemografi tidak mempengaruhi bagaimana belia melihat diri mereka.

3.0 KESIMPULAN

Dari dapatan kajian, boleh dirumuskan bahawa belia yang dikaji sama ada dari bandar atau luar bandar tidak begitu memberi keutamaan kepada mengidentifikasi diri mereka dari segi etnik kecuali kepada beberapa perkara seperti agama, keluarga, kebudayaan dan adat resam. Dapatan kajian juga menunjukkan kepentingan aspek sosialisasi dalam keluarga dalam pengukuhan identiti etnik mereka. Manakala, sukan merupakan faktor yang boleh menyatupadukan kepelbagaian etnik di mana bagi belia, mereka dapat melihat sukan sebagai elemen yang tidak membezakan etnik.

Secara umum, kepentingan identifikasi etnik dan bangsa boleh dirumuskan :

IDENTIFIKASI	PERKARA
Etnik	Agama, adat resam, bahasa ibunda, sosialisasi dalam keluarga dan status sosial
Bangsa	Sukan peringkat antarabangsa dan nasional, Politik luar negara yang melibatkan isu kenegaraan, sosialisasi dengan rakan- rakan

Oleh itu, belia yang dikaji mempunyai semangat kebangsaan yang baik di mana usaha-usaha Kerajaan ke arah menanamkan semangat kebangsaan melalui usaha seperti PLKN dan 1 Malaysia telah membuahkan hasil.